

bagi memberi tunjuk ajar dan menyemak hasil keputusan penganalisaan yang telah diperolehi.

- Bagi mengatasi masalah kekurangan sumber kewangan dan logistik seperti komputer dan peralatan-peralatan lain, kumpulan ini terpaksa memperolehi dari berbagai sumber di dalam pasukan dan terpaksa menggunakan perbelanjaan sendiri memenuhi keperluan yang tidak dapat dipenuhi selebihnya.

2. SOROTAN KARYA

2.1 Subjek

Secara relatif banyak juga terdapat karya - karya yang telah membincangkan serta cuba menghasilkan suatu pandangan mengenai perkara tajuk. Walau bagaimanapun karya - karya ini samada dalam bentuk kertas kerja ataupun jurnal tidaklah begitu konklusif dan konkret dalam menilai dan mengukur tahap keberkesanan KAGAT. Ini mungkin kerana karya - karya yang dihasilkan terdahulu mempunyai penumpuan dan penekanan yang berbeza, walaupun mempunyai tajuk yang hampir sama. Karya - karya terdahulu rata- rata hanya belegar di dalam mengutarakan harapan dan cita-cita KAGAT seperti membincangkan soal - soal penekanan kepada pembinaan tentera Islam dan juga Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam di dalam Angkatan Tentera Malaysia (DPMRI) (Mohammad Rahim Awang , 1989 dan Burhanuddin Abdul Jalal 1996).

2.2 Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (DPMRI).

Bagi tujuan menjamin keberkesanan program penerapan dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam ATM, DPMRI telah dilaksanakan dengan menjurus kepada tiga ketahanan utama dalam komponen pembangunan manusia iaitu pembinaan mental, pembinaan spiritual dan pembinaan jasmani yang bertujuan untuk membentuk satu generasi tentera yang beriman,

bertakwa dan berakhlaq mulia (Sorotan Darat, 1996). Dengan dasar latihan jasmani yang telah sedia ada, dasar pembinaan mental akan dilaksanakan melalui pengisian ilmu pengetahuan Islam yang mencakupi ilmu-ilmu fardhu ain dan ilmu - ilmu fardhu kifayah. Sementara dasar spiritual akan dilaksanakan melalui latihan dan penghayatan amal Islami yang sahih dan tepat (Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil. 9/1991).

Secara keseluruhanya, perlaksanaan dasar ini (DPMRI ATM) adalah bertujuan untuk mencapai matlamat berikut:

- Menerapkan nilai-nilai murni yang unggul dengan berasaskan kepada ajaran Islam di semua peringkat pentadbiran ATM.
- Mewujudkan suasana masyarakat tentera yang cenderung kepada nilai-nilai yang baik dan bersih serta bersikap positif di dalam menerima apa jua pandangan dan teguran menjurus kepada kebaikan dan kemurnian sejagat.
- Melahirkan anggota tentera yang berdisiplin, amanah, efektif dan konsisten dalam keimanan mereka kepada Allah (SWT).
- Menghasilkan semangat daya tahan dan daya juang yang berteraskan serta bersemangat kerja dan berusaha semata-mata menunaikan amanah agama, kerajaan dan masyarakat.
- Melahirkan satu angkatan yang mempunyai anggota-anggota yang bersepadau (kesatuan ketahanan fizikal dan spiritual) sehingga dapat melaksanakan tugas dengan sempurna.

Dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam ATM atau DPMRI adalah sejajar dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Awam di Malaysia yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun 1985. Secara khususnya, Rancangan (Dasar) Penerapan Nilai-nilai Islam ini, menurut kerajaan mempunyai objektif utama seperti berikut :

- Menanam semangat cintakan nilai-nilai suci dalam Islam.

- Menghormati kebaikan dan membenci keburukan.
- Menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas-tugas yang bertanggungjawab.
- Menghasilkan perkhidmatan bermutu.
- Melatih diri dengan disiplin.
- Menjalankan amanah dengan dedikasi.

Pada asasnya, dasar ini merumuskan bahawa penghayatan ajaran Islam berasaskan kepada keimanan dapat mendorong seseorang ataupun masyarakat keseluruhannya ke arah kegemilangan. Dasar tersebut juga bertujuan untuk menerapkan beberapa nilai murni (mahmudah) dalam perkhidmatan awam (Wan Liz Ozman, 1996).

2.3 Peranan dan Tanggungjawab KAGAT

KAGAT ditubuhkan untuk memberi bantuan kepada ATM bagi meningkatkan lagi pendidikan rohani anggota tentera berdasarkan ajaran Islam. Dengan wadah perjuangan “ *sebagai pendakwah dan tentera sebagai profesi* ” peranan ini disalurkan melalui tugas-tugas berikut :

2.3.1 Memberi bantuan kepada usaha - usaha untuk mempertingkatkan semangat keperwiraan anggota selaras dengan matlamat perjuangan Angkatan Tentera.

2.3.2 Mengembangkan nilai - nilai Islam, bermaksud meninggikan sifat setiakawan, kestabilan institusi keluarga anggota - anggota selaras dengan kehendak Angkatan Tentera.

2.3.3 Membantu dalam usaha - usaha pentadbiran agama Islam di setiap peringkat pemerintahan di dalam ATM.

2.3.4 Mengadakan hubungan dan kerjasama dengan Majlis / Jabatan / Agensi - agensi Keagamaan dalam dan luar negeri.

Secara keseluruhannya mesej yang terkandung dalam peranan dan tanggungjawab KAGAT boleh diinterpretasikan sebagai :

“ membantu pemerintah untuk meningkatkan dan memantapkan kekuatan rohani Islam warga Islam ATM, sehingga mereka mampu melaksanakan tugas mereka dengan berkesan”.

Dalam rangkaian peranan dan tanggungjawab KAGAT ini, ada dua aspek penting yang boleh diketengahkan untuk perbincangan. Aspek yang pertama ialah membantu pemerintah dan kedua, meningkat dan memantapkan kekuatan rohani Islam di kalangan masyarakat tentera. Membantu pemerintah membawa makna menolong kerja pemerintah dan bekerja untuk memperkuatkan pemerintahannya. Oleh sebab itu KAGAT dikategorikan sebagai Elemen Bantuan Perkhidmatan, bukan Elemen Tempur atau Elemen Bantuan Tempur. Yakni membantu dan memberi khidmat kepada Elemen Tempur dan Elemen Bantuan Tempur dalam mencapai misi yang diamanahkan.

Manakala aspek kedua iaitu meningkatkan dan memantapkan kekuatan rohani Islam pula merujuk kepada jati diri warga KAGAT. Ini bermakna peranan dan tanggungjawab sebenar warga KAGAT untuk membantu pemerintah ialah dari segi menzahirkan kekuatan rohani. Justru itu warga KAGAT secara tidak langsung adalah sebagai pengasuh, pemimpin kerohanian Islam, pendidik, pentadbir agama dan tugas lain yang bersangkutan dengan elemen kerohanian Islam. Sesuai dengan wadah seperti di atas, warga KAGAT bukan sahaja wajar memahami peranan dan tanggungjawab mereka, tetapi juga hendaklah memiliki aspek kerohanian itu lebih tinggi daripada masyarakat tentera yang lain. Jika tidak, warga KAGAT akan menjadi seperti masyarakat tentera yang lain, maka di sini KAGAT secara keseluruhannya akan ketinggalan dalam kekeliruan di antara wadah dan profesyen. Oleh itu, adalah wajar warga

KAGAT dapat memahami erti peranan dan tanggungjawab mereka dan isikan serta hayati sebelum membimbing masyarakat tentera yang lain.

Satu lagi aspek yang perlu dilihat di dalam menilai keberkesanannya KAGAT di dalam konteks peranan dan tanggungjawabnya adalah dari aspek implimentasinya. Walaupun KAGAT mempunyai peranan dan tanggungjawab yang jelas, namun dari segi hakikat, konsep dan perlaksanaan peranan dan tanggungjawab ini masih terhad dan terbatas kepada memberi perkhidmatan "*ritual*" sahaja.

Keadaan ini jelas menunjukkan penyelewengan konsep, kekaburuan pemahaman dan meletakkan peranan dan tanggungjawab itu dalam bentuk perlaksanaan dan rancangan kerja biasa samada oleh warga KAGAT atau pun masyarakat tentera yang lain. Oleh sebab itu aspek utama yang dilaksanakan oleh KAGAT sekarang melibatkan aspek kebajikan agama bukan menjuruskan kepada falsafah sebenar peranannya. Hakikat ini bukanlah untuk menidakkannya perlaksanaan yang telah berlaku atau pun sedang berjalan itu salah, tetapi apa yang perlu difikirkan di sini ialah daripada aspek konsep dan falsafah yang mana akan menentukan sejauh manakah keberkesanannya nilai-nilai rohani yang ingin diterapkan.

Oleh kerana kekaburuan pemahaman (atau ianya semata-mata keperluan "Lip Service"), maka peranan KAGAT lebih bersifat keagamaan (kependitaan). Ini bererti warga KAGAT hanya dianggap sebagai agen yang memberi khidmat kebajikan agama, bukan melibatkan aspek menentukan polisi dan perancangan dalam membantu membina kekuatan rohani masyarakat tentera. Bila keadaan demikian berlaku, maka di sini akan timbul konflik di dalam diri warga KAGAT di antara wadah perjuangan dan profesionalisme mereka sebagai seorang tentera.

2.4 Prinsip Asas Pengurusan

Dalam membicarakan tentang prinsip asas pengurusan dalam kajian ini, penumpuannya lebih menjurus kepada konsep pengurusan Islam kerana ia berkait rapat dengan penubuhan dan peranan KAGAT itu sendiri sebagai sebuah organisasi yang menyebar dan menegakkan hukum Islam dalam ATM.

2.4.1 Konsep Pengurusan Islam

Konsep Pengurusan Islam berteraskan kepada falsafah tauhid. Mohd. Affandi Hassan telah mengemukakan konsep pengurusan dari sudut ‘tawhidic paradigm’ yang beliau takrifkan seperti berikut:

“ Pengurusan dan pentadbiran ialah perlaksanaan kewajipan (iaitu amanah) sebagai amal salih secara kerjasama berasaskan syura untuk membina tamadun yang diredayai Allah S.W.T bagi mencapai faalah, iaitu kesejahteraan dan keberuntungan dunia dan akhirat; dan membendung dari berlakunya fasad, iaitu penyelewengan atau korupsi dalam maknanya yang luas dan menyeluruh”

(Mohd. Affandi Hassan, 1987)

Model pentadbiran Islam menurut Mohd. Affandi adalah lebih unggul daripada pengurusan Barat kerana ia membawa kepada ketakwaan dan keimanan kepada Allah S.W.T selaras dengan tujuan hakiki manusia diciptakan. Melalui pengakuan yang universal terhadap kekuasaan Allah S.W.T dan persaudaraan manusia yang juga bersifat universal, sebuah organisasi muslim yang harmoni dapat diwujudkan di mana matlamat individu dan matlamat organisasi dapat diselaraskan (goal congruency). Keadaan ini penting supaya tidak timbul pertembungan atau konflik (dysfunction) di antara matlamat individu dan matlamat organisasi (Dr Ghous Shareef, 1988). Dr. Shareef juga menegaskan bahawa:

"Muslim managers and muslim workers simultaneously report to two supervisors - God and the human manager in that order. This will create a successful team approach"

Sehubungan dengan itu aset KAGAT yang terpenting adalah warga KAGAT itu sendiri. Ianya merupakan tunjang dalam pengurusan sumber manusia di dalam organisasi KAGAT. Sebelum warga KAGAT dapat memainkan peranan sebagai "motivator" kepada masyarakat tentera yang lain, mereka sendiri perlulah mendapat latihan dan motivasi yang terbaik seandainya inginkan penghasilan yang terbaik. Secara keseluruhannya , latihan kemahiran dan motivasi yang diberikan belum mencukupi untuk mencipta penghasilan terbaik. Antara faktor penyebab adalah pengabaian prinsip asas kepada ilmu pengurusan sumber manusia. Di dalam pengurusan sumber manusia, yang mana melibatkan fungsi pengurusan seperti " planning, organising, staffing, leading and controlling", masih banyak lagi ruang - ruang kelemahan yang perlu di atasi oleh KAGAT. Oleh kerana kekaburuan dalam mengimplimentasikan konsep wadah perjuangan seperti yang telah diterangkan, maka fungsi pengurusan yang dinyatakan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan, lantas matlamat KAGAT tidak dapat direalisasikan dengan efisyen dan efektif.

2.4.2 Konsep Kerja Dalam Islam

Islam juga mempunyai konsep kerja dengan keunikannya yang tersendiri dan diselaraskan dengan pandangan hidup berteraskan kepada doktrin tauhid. Prof. Seyyed Hossein Nasr mengatakan bahawa:

" Dalam Islam tidak ada kerja yang dianggap sekular atau tidak mempunyai makna keagamaan. Islam telah berjaya menghasilkan tamadun yang mempunyai keseluruhannya dipengaruhi oleh fahaman bahawa segala-galanya menzahirkan yang kudus.

Kejayaan ini telah menghasilkan suatu iklim bekerja dengan kesusilaan dan akhlak tidak terpisah daripada ekonomi.”

Sehubungan dengan itu Islam menganggap kerja sebagai amalan salih dalam hubungannya dengan keperluan hidup manusia. Sehubungan itu dalam konteks bidang ketenteraan, ia bukan sahaja sebagai suatu amal salih tetapi juga merupakan fardhu kifayah yang merupakan kewajipan yang pasti ke atas masyarakat dalam bentuk kolektif. Keadaan ini dijelaskan melalui Firman Allah di dalam surah Al-Anfal ayat 60 yang bermaksud:

“Bersiap sedialah untuk (menentang) mereka (musuh yang menceroboh) dengan segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari (pasukan-pasukan) yang berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Dan apa saja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan diinayainya”

(Surah Al-Anfal ayat : 60)

Berdasarkan kepada ayat-ayat di atas adalah amat jelas umat Islam dikehendaki untuk sentiasa bersedia menjadi benteng Islam atau sebagai seorang tentera bagi menghadapi musuh-musuh Islam.

2.4.3 Konsep Islam Tentang Kualiti dan Kecemerlangan

Konsep budaya kualiti, produktiviti dan kecemerlangan dalam organisasi telah diamalkan dalam Islam sejak lebih 1400 tahun yang lampau. Ketiga-tiga unsur pengurusan ini telah pun sebatik dalam Sistem Pengurusan Islam. Kualiti dan produktiviti dalam Islam adalah berteraskan kepada nilai-nilai yang ‘inherent’ dalam Islam itu sendiri dan berupaya menggerakkan seseorang melakukan tugas dengan mengambil kira